

# **GEJALA REMAJA LARI DARI RUMAH, MASALAH DAN PENYELESAIAN MENURUT AL-QURAN**

Dr. Russanani @ Asiah Binti Hassan<sup>1</sup>  
*Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra*

## **ABSTRAK**

*Artikel ini membincangkan tentang gejala remaja lari dari rumah. Perangkaan yang dipaparkan oleh sebuah akhbar tempatan pada 12 Ogos 2007 mencatatkan jumlah 6,270 remaja hilang sejak Januari 2004 hingga Mei 2007 bukan sahaja memerlukan tetapi sangat membimbangkan setiap ibubapa. Perbincangan ini menumpukan kepada punca dan bagaimana penyelesaiannya menurut al-Quran. Antara punca utama yang dikenal pasti remaja lari dari rumah ialah pengaruh kawan, ingin bebas dan ikut kekasih. Penyelesaian kepada masalah ini tentunya terletak ke atas bahu ibu bapa. Ibu bapa yang bijak, mantap dan berwawasan akan mendidik dan menggunakan peraturan Islam dalam memberi didikan kepada anak-anak dan tidak lupa berdoa untuk kebaikan mereka.*

## **1.0. PENDAHULUAN**

Masalah sosial golongan remaja di negara kita semakin kritis. Semakin ramai remaja yang mengalami sindrom kurang daya tahan akhlak terjebak dengan kancang pelacuran, penagihan dadah, kegilaan hiburan yang melampau, kongsi gelap dan fahaman menyesatkan.

Fenomena ini perlu dipandang serius. Jika tidak diatasi segera ia akan merosakkan seluruh komiti masyarakat. Keruntuhan akhlak remaja adalah malapetaka besar kepada sesuatu bangsa dan negara. Hancur sebuah negara disebabkan mempunyai rakyat yang runtuh akhlaknya. Memperkasakan akhlak remaja amat penting memandangkan golongan itu bakal mewarisi kepimpinan negara pada masa akan datang.

Langkah-langkah tertentu perlu diambil luntuk membendung krisis masalah sosial remaja yang perlu dilakukan secara berterusan dan bukannya ketika sesuatu isu hangat diperkatakan saja. Masalah sosial remaja yang menjadi tumpuan dalam perbincangan di sini ialah remaja lari dari rumah.

## **2.0. STATISTIK ORANG HILANG SELURUH MALAYSIA**

Statistik ini bermula Januari 2004 hingga Mei 2007.

Kategori usia	Lelaki	Perempuan
9 tahun ke bawah	173	149
19 - 13 tahun	323	374
14 – 17 tahun	1,154	4,097
Jumlah	1,650	4,620
Jumlah besar		6,270

<sup>1</sup> drrosnani2407@gmail.com

## Fakta

1. Orang hilang yang ditemui semula	4,237
2. Orang yang masih hilang	2,033

### Lima punca utama kes orang hilang

Punca	Jumlah
1. Dipengaruhi rakan	1,587
2. Mencari kebebasan di luar rumah	1,061
3. Mengikut kekasih	1,034
4. Selisih faham dengan keluarga	710
5. Mencari pekerjaan	390

### 3.0. BILANGAN TERBESAR YANG HILANG ADALAH PEREMPUAN

Perangkaan kehilangan remaja di negara ini yang diberikan oleh Timbalan Pengarah Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Acryl Sani Abdullah Sani bukan sahaja amat memeranjatkan tetapi sangat membimbangkan setiap ibubapa kerana ia boleh berlaku pada bila-bila masa dan kepada sesiapa sahaja.

Dengan jumlah 6,270 remaja hilang sejak Januari 2004 hingga Mei 2007 yakni dalam tempoh dua tahun lima bulan atau 29 bulan adalah suatu angka yang cukup besar dengan purata kehilangan sekitar 216 sebulan atau sekitar 54 orang seminggu dalam tempoh tersebut.

Bilangan terbesar yang hilang adalah perempuan iaitu 4,620 orang manakala 1,650 lagi lelaki. Sebanyak 67.5 peratus atau 4,237 daripada remaja yang hilang itu telah pulang kembali manakala 33.5 peratus atau 2,033 lagi belum dapat dikesan..

Remaja hilang yang belum dapat dikesan itu dikhuatiri dirogol, dibunuuh atau kemungkinan terlibat dengan gejala sosial. Antara gejala sosial itu seperti menjadi pelacur, GRO, perempuan simpanan, penagih dan pelbagai kegiatan jenayah sama ada dibuat secara rela demi keperluan hidup atau secara terpaksa oleh paksaan sindiket-sindiket tertentu.

Kalau kehilangan remaja terdiri dari kalangan remaja lelaki, tentulah tidak terlalu membimbangkan sangat tetapi apabila bilangan terbesar yang hilang adalah remaja perempuan, ianya sangat merimaskan kerana berbanding dengan remaja lelaki, remaja perempuan mempunyai nilai komersialnya yang tersendiri.

Dengan sebanyak 25 peratus atau lebih 1,550 orang remaja hilang kerana ikut rakan, seramai 1,061 kerana ingin bebas dari keluarga dan 1,034 kerana mengikut teman lelaki atau wanita dengan punca lainnya pula adalah kerana mahu mencari pekerjaan, enggan belajar dan hubungan kurang baik dengan keluarga, terbukti faktor paling pasak kepada kejadian remaja hilang dari rumah adalah berpunca dari betapa kurang mantapnya institusi keluarga.

Remaja yang kosong kepala dan dada, yang kosong otak hatinya tidak akan merasa apa-apa dosa berbuat apa saja, malah mereka tidak akan membayangkan langsung betapa

resah, susah, gelisah, risau, bimbang, malu, aib dan sengsaranya ibubapa ekoran kehilangan mereka atau gara-gara kerosakan akhlak dan moral mereka.

Remaja wanita yang tidak ada didikan agama tidak akan merasa satu dosa kalau kerana mahukan wang dan hidup mewah, maka dilacurkan diri atau menjadi GRO, menjadi perempuan simpanan dan sebagainya kerana dirinya dirasakan haknya yang mutlak dan dia boleh berbuat apa sahaja dengan orang lain, termasuk ibubapa sendiri tidak berhak untuk menghalang atau menentukan masa depannya yang dianggap sebagai hak mutlaknya.

Walhal segala apa yang menjadi milik manusia yang mempunyai 360 sendi, 660 urat saraf yang panjang keseluruhannya 160 kilometer serta jantung yang mengepam dua gelen darah seminit disamping pelbagai pancaindera lagi adalah milik Allah yang hanya boleh digunakan apabila dimalarkan oleh Allah.

Macam mana seseorang remaja boleh sayangkan diri sendiri atau takut untuk berseronok termasuk melalui cara yang tidak halal dengan antaranya hilang dan jauhkan diri dari keluarga, kalau mereka tidak diberitahu bahawa diri mereka ada pemilik mutlak dan hanya boleh berbuat apa sahaja yang dihalalkan oleh pemilik mutlaknya, yakni Allah.

#### **4.0. IBUBAPA PUNCA ANAK LARI**

Ibubapa adalah pihak paling penting dalam menentukan tingkah laku anak. Setiap perlakuan anak dipengaruhi sepanjang proses pembesaran mereka. Faktor persekitaran seperti pengaruh media cetak dan elektronik selain sistem pendidikan hanya faktor kedua dan ketiga, tetapi ibubapa sebenarnya ada tanggungjawab atau fungsi paling besar dalam mencorakkan sikap anak.

Apabila institusi keluarga kurang mantap, apatah lagi jika anak-anak tidak diisi kepala dan dada, otak dan hati mereka dengan ilmu-ilmu Islam sebagaimana yang diseru oleh Rasulullah s.a.w. agar anak-anak diajar sembahyang bermula ketika anak-anak berusia tujuh tahun lagi, maka akan berlakulah pelbagai kelompongan yang menyumbang kepada pembentukan keluarga ala Keluarga 69 yang haru biru, kacau bilau, serba songsang dan serba pincang.

Keluarga yang bijaksana, mantap, berwawasan dan berhikmah akan mendidik dan menggunakan peraturan Islam, peraturan Allah dan Rasul-Nya dalam memberi didikan kepada anak-anak disamping ibubapa tidak akan pernah lupa berdoa untuk kebaikan anak-anak.

Ibubapa kena yakin bahawa sistem pendidikan dan peraturan yang selain dari sistem dan peraturan yang disarankan oleh Islam tidak akan mampu menjadikan manusia sama ada semasa kanak-kanak, semasa remaja, semasa dewasa atau semasa tuanya benar-benar baik.

Asas pendidikan yang mantap adalah keluarga yang bahagia lagi harmoni berlandaskan takwa. Benih-benih kebahagiaan dan keharmonian perlu disemai antara suami isteri terlebih dahulu. Apabila perasaan kasih sayang lenyap daripada hati suami isteri, akan rosaklah sebarang usaha mendidik anak-anak kerana '*perahu susah hendak diuruskan jika badai sentiasa menyerang*'. Cara pergaulan yang berdasarkan cinta dan kasih antara

suami isteri pasti mewujudkan suasana yang harmoni dalam keluarga. Suasana seperti ini memudahkan usaha mendidik anak-anak.

## **5.0. KAEDEH PENDIDIKAN MENURUT AL-QURAN**

Dalam surah Luqman, diutarakan beberapa kaedah penting berhubung dengan pendidikan anak-anak. Antara kaedah itu adalah:

### **1. Mendidik berbekalkan hikmat.**

Dalam surah Luqman ayat 12, Allah menjelaskan bahawa Luqman dikurniakan hikmat. Hikmat menurut Imam Ibn Kathir ialah kefahaman, ilmu dan tadbir iaitu pengurusan yang baik. Justeru, ibubapa perlu menguasai dan memahami ilmu, terutamanya ilmu agama berlandaskan Quran dan Sunnah. Penggunaan ini perlu disusuli dengan pengurusan hidup yang baik. Tanpa ilmu dan kefahaman, ibubapa menjadi seperti musafir yang berjalan tanpa peta.

### **2. Komunikasi berkesan.**

Luqman menasihati anaknya secara terus tanpa rasa kekok. Ini menunjukkan, bapa memainkan peranan yang penting dalam pendidikan anak-anak. Semasa memberi nasihat, Luqman menggunakan perumpamaan bagi memudahkan kefahaman seperti terdapat pada ayat 16 dan 19. Di samping itu, beliau menentukan keutamaan seperti yang dinyatakan dalam ayat 17. Ini menunjukkan Luqman mempunyai kemahiran berkomunikasi. Aspek penting yang perlu ada semasa berkomunikasi antaranya kelembutan. Hadith Nabi menyebutkan yang diriwayatkan oleh Ahmad dan Baihaqi: “*Jika Allah menghendaki kebaikan bagi sesebuah keluarga diberikan sifat lemah lebut dalam keluarga itu*”.

### **3. Menekankan aqidah.**

Dalam surah Luqman ayat 16 , Luqman menjelaskan, apabila ada suatu benda yang kecil seperti biji sawi, disembunyikan di langit, di dalam bumi, di dalam batu yang besar atau pun di tempat lain, Tuhan tetap mengetahui tentangnya. Pendidikan Luqman ini bertujuan melahirkan perasaan muraqabah, iaitu merasai Tuhan sentiasa melihat gelagat hambanya di mana sahaja hamba itu berada. Apabila perasaan ini menguasai hati individu, ia menjadi penasihat dan penyelamat bagi individu itu.

### **4. Mementingkan sembahyang.**

Dalam surah Luqman ayat 17, Luqman menyuruh anaknya menegakkan sembahyang. Menegakkan sembahyang bermaksud bersembahyang secara berterusan dengan memelihara waktu-waktu dan tatacaranya, disamping mementingkan khusyuk semasa sembahyang. Sembahyang ada pengaruhnya ke atas anak-anak.

### **5. Sabar dalam ujian.**

Luqman mengingatkan anaknya supaya bersabar dalam menjalani kehidupan sebagaimana dalam ayat 17. Sabar berkait rapat dengan sikap positif. Dengan penekanan ini, anak-anak cekal mengharungi ujian dan liku-liku dalam hidup. Anak-anak juga perlu diingatkan bahawa sabar adalah proses ke arah kejayaan. Hadith Nabi menyebutkan yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi: “*Sesungguhnya kejayaan bersama-sama dengan kesabaran, kelapangan bersama-sama dengan kesusahan dan sesungguhnya berserta dengan kepayahan adalah kesenangan*”.

## **6.Mementingkan akhlak**

Luqman menasihati anaknya supaya bersikap tawaduk dan tidak sompong semasa bergaul dengan manusia. Beliau juga mengingatkan anaknya supaya bersederhana dalam hidup dan tidak meninggikan suara semasa bercakap. Sesungguhnya seburuk-buruk suara adalah suara keldai. Nasihat ini dirakamkan dalam ayat 18 dan 19. Akhlak mulia berkait rapat dengan iman individu.

## **7.Berdakwah dan berperanan.**

Anak-anak perlu dididik supaya berperanan dengan mengajak rakan-rakan mereka kepada makruf dan mencegah mereka daripada kemungkaran. Hal ini disebutkan dalam surah Luqman ayat 17. Dengan nilai dan sikap yang betul ini, anak-anak tidak akan menjadi golongan yang terpengaruh. Sebaliknya menjadi golongan yang mempengaruhi.

## **6.0.KESIMPULAN**

Apabila dianalisis formula pendidikan Luqman ini, maka dapatlah disimpulkan bahawa formula ini mengandungi enam ciri penting iaitu penekanan terhadap ilmu, aqidah, ibadah, fikiran positif, akhlak mulia dan dakwah.

Adalah jelas dalam usaha mendidik anak-anak, ibubapa adalah memainkan peranan yang penting. Keluarga yang rapuh melahirkan generasi yang reput. Oleh itu, pastikan bapa, mengosongkan satu malam seminggu untuk bersama-sama dengan anak, terutamanya yang remaja. Berilah nasihat yang berguna kepada mereka. Pastikan juga bapa menghadiri kelas agama seminggu sekali bersama-sama anak remaja mereka. Jika mampu, pergilah bercuti dengan seluruh keluarga paling kurang sekali setahun. Janganlah mendidik anak dengan menggunakan kekerasan. Seterusnya berdoalah untuk anak-anak antaranya seperti doa yang terdapat dalam surah al-Furqan ayat 74 yang bermaksud:

*“ Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami pasangan hidup dan keturunan pendamai hati dan jadikanlah kami imam(pemimpin) bagi orang yang bertakwa”.*

## **BIBLIOGRAFI**

Al-Quran al-Karim.

Al-Qurtubi. (t.t). *Al-Jami' Li Ahkam al-Quran*, Kaherah: Dar al-Sya'b.

Ibn. Kathir. (t.t). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Kaherah: Dar al-Fikr.

Said Hawa. 1985. *Al-Asas fi al-Tafsir*. Kaherah: Dar al-Salam.

Ibn. Athir. 1987. *al-Kamil fi al-Tarikh*. Beirut: Dar al-Fikr.

Muhammad ibn Illan Al-Makki. (t.t). *Dalil Al-Falihin*. Mesir: Maktabah Al-Halabi  
Danial Zainal Abidin, Dr. 2006. *Tip-tip Cemerlang Daripada Quran*. Selangor: PTS  
Millennia Sdn. Bhd.